

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN BANTUAN PEMBAYARAN PEMULIH UNTUK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ALIRAN TUNAI-i KEPADA PELANGGAN INDIVIDU

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan moratorium dalam Pakej Perlindungan Rakyat & Pemulihan Ekonomi (PRA) yang diumumkan baru-baru ini?	Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Jun 2021 di dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PRA), program moratorium diperkenalkan bagi membantu pelanggan yang terkesan dari segi kewangan akibat pandemik Covid-19.
2	Siapakah yang layak untuk memohon program PRA ini?	Pelanggan individu dari semua kategori (B40, M40 dan T20) layak memohon untuk program ini.
3	Saya mempunyai kemudahan Aliran Tunai-i, adakah saya layak untuk moratorium ini?	Ya. Moratorium ini juga ditawarkan kepada Kemudahan Aliran Tunai-i yang telah diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 . Moratorium selama 6 bulan adalah ke atas amaun pembiayaan yang telah digunakan sepenuhnya.
4	Apakah pra-syarat kelayakan untuk permohonan program PRA ini?	Pra-syarat kelayakan adalah seperti berikut: a) Akaun pembiayaan pelanggan yang diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 ; b) Akaun pembiayaan tidak tertunggak melebihi 90 hari dan tidak diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar pada tarikh permohonan lengkap diterima; dan c) Pelanggan bukan seorang yang bankrap .
5	Adakah program PRA ini diberikan secara automatik?	Tidak. Anda perlu memohon untuk menyertai program PRA ini. Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang Permintaan Perkhidmatan (BPP) yang terdapat di mana-mana cawangan kami yang berdekatan.

Soalan Lazim berkenaan Bantuan Pembayaran PEMULIH (bagi pelanggan individu) ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

No.	Soalan	Jawapan
6	Bagaimana sekiranya saya perlu tempoh lanjutan yang melebihi tempoh moratorium selama 6 bulan?	Tempoh moratorium adalah selama 6 bulan, Anda perlu menghubungi pihak Bank sekiranya mengalami kesukaran untuk membuat bayaran setelah tempoh moratorium berakhir.
7	Adakah saya dibenarkan untuk menggunakan baki amaun di bawah Kemudahan Aliran Tunai-i dalam tempoh moratorium?	Ya. Anda boleh menggunakan baki amaun pembiayaan yang ada di bawah Kemudahan Aliran Tunai-i dalam tempoh moratorium.
8	Adakah saya akan dikenakan caj keuntungan tambahan ke atas jumlah pembayaran yang ditangguhkan sepanjang tempoh moratorium selama 6 bulan?	Keuntungan akan terus diakru pada amaun prinsipal yang belum dijelaskan. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan digandakan selaras dengan prinsip Syariah dan tidak akan melebihi Harga Jualan Bank. Bank bagaimanapun tidak dibenarkan mengenakan caj lewat bayar pada jumlah yang ditangguhkan. Dengan kata lain, pembayaran pembiayaan hanya ditangguhkan selama 6 bulan.
9	Sekiranya saya memilih PRA, adakah rekod CCRIS saya akan terjejas?	Tidak, rekod CCRIS anda tidak akan terjejas.
10	Adakah saya perlu membuat penyelesaian keatas amaun pembiayaan setelah tempoh moratorium berakhir?	Tidak, anda hanya perlu membuat bayaran ke atas amaun keuntungan bulanan diakru yang terkumpul setelah tempoh moratorium berakhir.

Soalan Lazim berkenaan Bantuan Pembayaran PEMULIH (bagi pelanggan individu) ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

No.	Soalan	Jawapan																								
11	Apakah kesan kepada jumlah amaun keuntungan yang diakru sekiranya saya memilih PRA?	<p>a) Keuntungan akan terus diakru secara harian berdasarkan amaun prinsipal yang telah digunakan. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan digandakan selaras dengan prinsip Syariah dan tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.</p> <p>b) Anda dikehendaki untuk membuat penyelesaian penuh ke atas jumlah amaun keuntungan yang telah diakru selepas tempoh moratorium 6 bulan tamat.</p> <table border="1" data-bbox="683 640 1471 1413"> <thead> <tr> <th></th> <th>Tanpa Moratorium</th> <th>Dengan Moratorium*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Amaun Pembiayaan</td> <td>RM100,000</td> <td>RM100,000</td> </tr> <tr> <td>Amaun Pembiayaan yang telah digunakan</td> <td>RM100,000</td> <td>RM100,000</td> </tr> <tr> <td>Baki Amaun Pembiayaan</td> <td>RM0</td> <td>RM0</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan Efektif</td> <td>5.00% setahun</td> <td>5.00% setahun</td> </tr> <tr> <td>Amaun Keuntungan Bulanan yang diakru</td> <td>RM416.67</td> <td>RM416.67</td> </tr> <tr> <td>Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang perlu dibayar</td> <td>RM416.67</td> <td>Tidak berkenaan</td> </tr> <tr> <td>Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang terkumpul sepanjang tempoh moratorium yang perlu dibayar</td> <td>Tidak berkenaan</td> <td>RM2,500.02</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota :</p> <p>a) Senario: Pelanggan memohon untuk enam (6) bulan penangguhan bayaran di bawah PRA.</p> <p>b) Andaian: Tiada perubahan ke atas Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sepanjang tempoh moratorium.</p>		Tanpa Moratorium	Dengan Moratorium*	Amaun Pembiayaan	RM100,000	RM100,000	Amaun Pembiayaan yang telah digunakan	RM100,000	RM100,000	Baki Amaun Pembiayaan	RM0	RM0	Kadar Keuntungan Efektif	5.00% setahun	5.00% setahun	Amaun Keuntungan Bulanan yang diakru	RM416.67	RM416.67	Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang perlu dibayar	RM416.67	Tidak berkenaan	Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang terkumpul sepanjang tempoh moratorium yang perlu dibayar	Tidak berkenaan	RM2,500.02
	Tanpa Moratorium	Dengan Moratorium*																								
Amaun Pembiayaan	RM100,000	RM100,000																								
Amaun Pembiayaan yang telah digunakan	RM100,000	RM100,000																								
Baki Amaun Pembiayaan	RM0	RM0																								
Kadar Keuntungan Efektif	5.00% setahun	5.00% setahun																								
Amaun Keuntungan Bulanan yang diakru	RM416.67	RM416.67																								
Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang perlu dibayar	RM416.67	Tidak berkenaan																								
Amaun Keuntungan Bulanan diakru yang terkumpul sepanjang tempoh moratorium yang perlu dibayar	Tidak berkenaan	RM2,500.02																								

Soalan Lazim berkenaan Bantuan Pembayaran PEMULIH (bagi pelanggan individu) ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

No.	Soalan	Jawapan
12	Dimanakah Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut?	<p>Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat tambahan mengenai program ini, sila rujuk ke cawangan kami atau hubungi:</p> <p>Pusat Perhubungan & Jabatan Perkhidmatan Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 03-26 900 900 E-mel: contactcenter@bankislam.com.my</p>

Soalan Lazim berkenaan Bantuan Pembayaran PEMULIH (bagi pelanggan individu) ini adalah tertakluk kepada maklumat terkini yang akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.